



PELAN
TINDAKAN
INTEGRITI
UKM 2021-2025





PELAN
TINDAKAN

INTEGRITI UKM 2021-2025



Cetakan Pertama, 2021
Hak Cipta Universiti Kebangsaan Malaysia, 2021

Hak Cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam bentuk, sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Unit Integriti UKM.

Diterbitkan oleh
UNIT INTEGRITI & OMBUDSMAN
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor D.E., Malaysia
Tel: 03-8921 3182
E-mel: integriti@ukm.edu.my

Dicetak oleh
UKM Cetak Sdn. Bhd.
Tel: 03-8921 5371/3072
E-mel: ukm_cetak@yahoo.com

Reka Bentuk Kulit/Susun Atur
UKM Cetak Sdn. Bhd.

Perpustakaan Negara Malaysia
Universiti Kebangsaan Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

PELAN TINDAKAN INTEGRITI UKM 2021-2025.
ISBN 978-967-19977-0-3

1. Universiti Kebangsaan Malaysia--Planning--2021-2025.
2. Education, Higher--Aims and objectives--Malaysia--Selangor.
3. Educational planning--Malaysia--2021-2025.
4. Integrity.
5. Government publications--Malaysia.

I. Judul
378.10709595115



Al-Qasas Ayat 26

“Sesungguhnya sebaik-baik orang yang diambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah.”

Al-Anfal Ayat 27

“Wahai orang - orang beriman janganlah kamu mengkhianati amanah Allah dan RasulNya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu sedang kamu mengetahui salahnya”





Hadis Riwayat Abu Daud

“Barang siapa yang kami angkat menjadi pegawai dengan tugas tertentu dan telah kami berikan upah sebagaimana mestinya, maka apa yang dia ambil di luar daripada apa yang telah diberikan, maka itu namanya pengkhianatan (rasuah)”



ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
Amanat Kepimpinan	6
Penyataan Komitmen Pengurusan Tertinggi	7
Alu-Aluan Ketua Unit Integriti & Ombudsman	8
Ringkasan Eksekutif	9
BAB 1 – PENGENALAN	11
• Latar Belakang UKM	11
• Visi, Misi, Nilai dan Matlamat UKM	11
BAB 2 – PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN INTEGRITI UKM 2021-2025	13
• Cabaran Berkaitan Integriti, Rasuah dan Governan	13
• Proses Pembangunan PTIUKM & Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah UKM	14
• Analisis Data	21
• Penilaian dan Analisis Risiko	25
BAB 3 – PELAN TINDAKAN INTEGRITI UKM	27
• Kerangka Pelan	27
• Analisis Kuadran	31
• Pelan Tindakan Integriti UKM 2021 – 2025 mengikut Bidang Keutamaan	32
BAB 4 – MEKANISME PEMANTAUAN & PELAPORAN	43
• Mekanisme Pemantauan	44
• Format Pelaporan	
BAB 5 – PENUTUP	45
PENGHARGAAN	46

AMANAT KEPIMPINAN


Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana Pelan Tindakan Integriti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), iaitu Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) bagi tempoh 2021 – 2025 (PTIUKM) telah berjaya dibangunkan. Pelan ini merupakan usaha UKM dalam mempertingkatkan integriti, tadbir urus dan pencegahan rasuah selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Januari 2019.

Pelan Tindakan Integriti UKM ini bersifat komprehensif dan diterjemahkan melalui inisiatif-inisiatif yang dirancang dengan tujuan untuk memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan di UKM serta meningkatkan keberkesannya. Pembudayaan integriti dalam kalangan warga UKM yang bertunjangan kebertanggungjawapan dan ketelusan akan dapat dicapai berlandaskan inisiatif yang meliputi integriti, antirasuah dan tadbir urus yang baik.

Saya yakin Pelan Tindakan Integriti UKM 2021 – 2025 (PTIUKM) ini adalah seiring dengan visi UKM yang bertekad menjadi universiti terkehadapan yang mendahului langkah masyarakat dan zamannya bagi membentuk masyarakat dinamik, berilmu dan berakhlak mulia. Semoga Pelan ini akan meletakkan UKM sebagai institusi pengajian tinggi yang berjaya mengamalkan nilai integriti yang tinggi dalam kalangan warganya.

Sekian.



Tan Sri Dato' Seri Abdul Wahid Omar
Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti (LPU)



PERNYATAAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Pelan Tindakan Integriti UKM 2021-2025 yang dibangunkan ini merupakan dasar yang menggambarkan komitmen UKM sebagai Institusi Pengajian Tinggi yang mengamalkan nilai integriti dan anti rasuah yang tinggi.

Pelan ini adalah hasil daripada perbincangan yang dijalankan dipelbagai peringkat di UKM dan melibatkan bidang-bidang keutamaan UKM. Pelan ini dirangka dengan meliputi semua isu berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah yang perlu ditangani secara menyeluruh.

UKM komited dan bertekad dalam memastikan semua inisiatif dalam Pelan ini dapat dilaksanakan dengan berpaksikan kepada nilai TERAS yang akan meliputi 4 bidang keutamaan iaitu Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan; Pengurusan Akademik dan Hal Ehwat Pelajar; Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan; dan Pengurusan Kewangan dengan kebitaraan yang menggambarkan kepentingan peranan masing-masing.

Pelan Tindakan Integriti UKM 2021-2025 ini diharapkan dapat dihayati dan dijiwai oleh semua warga UKM secara berterusan. Penghayatan ini akan memperkasakan penyampaian perkhidmatan UKM secara lebih tuntas, telus serta mengikut perkembangan semasa, relevan dan terkehadapan.

Sekian.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ekhwan', written over a horizontal line.

Prof. Dato' Ts/Dr. Mohd. Ekhwan Hj. Toriman
Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia

ALU-ALUAN KETUA UNIT INTEGRITI & OMBUDSMAN


Bismillahirrahmanirrahim.

Saya ingin merakamkan setinggi kesyukuran kerana dengan izinNya hasrat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk memperkasakan integriti di kalangan warganya dapat dizahirkan dengan penerbitan Buku Pelan Tindakan Integriti UKM 2021 – 2025 (PTIUKM).

Setinggi penghargaan kepada pihak Pengurusan Tertinggi UKM kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui pembangunan Pelan tindakan ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Pelan Induk, Pegawai Fokal Integriti Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan khususnya warga Unit Integriti UKM yang merealisasikan pembangunan Pelan Tindakan Integriti UKM dan penerbitan buku ini.

Buku ini bukan hanya menggariskan cadangan dan tindakan yang akan diambil oleh UKM dalam memperkasa nilai integriti sebaliknya merupakan manifestasi yang menggambarkan integriti yang dijiwai oleh semua warga UKM. Semoga hasrat Unit Integriti untuk mendahului nilai, citra dan wibawa UKM dijulung dengan pelaksanaan Pelan Tindakan Integriti UKM 2021 – 2025 (PTIUKM) .

Sekian.



Hairuzzaki Mohd Yusof
Ketua Unit Integriti & Ombudsman
Universiti Kebangsaan Malaysia



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Tindakan Integriti UKM 2021 – 2025 (PTIUKM) merupakan Pelan tindakan yang menyeluruh dan praktikal selain dilihat sebagai Pelan yang berdasarkan penilaian risiko yang mampu mengurangkan dan membasmi isu integriti, tadbir urus dan rasuah di UKM secara khususnya.

Dalam visi menjadikan UKM sebagai universiti yang menjunjung dan menegakkan nilai integriti ke arah tadbir urus yang terbaik dan budaya kerja yang unggul, maka PTIUKM ini diwujudkan bagi memastikan visi tersebut tercapai dalam jangka masa yang ditetapkan. Usaha tersebut telah diterjemahkan dengan mengenal pasti 4 Bidang Keutamaan, 8 Strategi, 13 Objektif Strategik dan sebanyak 36 Pelan Inisiatif sebagaimana yang terkandung dalam Pelan ini.

PTIUKM ini dibangunkan selaras dengan Pelan Strategik UKM yang berhasrat untuk menjadikan UKM sebagai Institusi Pendidikan Tinggi yang memiliki penyelidik dan staf akademik yang mantap serta sokongan ekosistem yang kondusif. Dengan bertunjangan Pelan Antirasuah Nasional, PTIUKM telah dicanai dengan menekankan nilai-nilai manusiawi di samping kawalan dalaman yang utuh serta pengurusan tadbir urus yang mampan merupakan kunci kejayaan bagi pelaksanaan Pelan ini.

Semoga UKM dikenali sebagai Universiti Watan yang "Mendahului Nilai, Wibawa dan Citra."



BAB 1

PENGENALAN

LATAR BELAKANG

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditubuhkan atas hasrat dan kehendak rakyat yang mahukan sebuah universiti “kebangsaan” diwujudkan di negara ini. Warga UKM pada hari ini perlu memastikan semangat kebangsaan serta aspirasi rakyat ini terus dipahatkan dan diperjuangkan. Sehubungan dengan itu, UKM sebagai Pendaulat Amanah Negara (Guardian of the Nation) meletakkan isu negara sebagai permasalahan yang perlu ditangani oleh UKM.

Sesuai dengan peredaran masa, perubahan ekonomi, sosial dan masyarakat serta kehendak pihak berkepentingan, UKM perlu peka dengan perubahan dan bertindak awal untuk memastikan bahawa UKM sentiasa relevan, dirujuk dan dihormati (relevant, referred, respected). Perubahan yang dilakukan bersifat kontekstual yang bukan mengikut trend, tetapi bersesuaian dengan kehendak negara dan masyarakat supaya UKM sentiasa memainkan peranannya sebagai Pendaulat Amanah Negara.

MOTO

“Mengilham harapan, mencipta masa depan”

FALSAFAH

Paduan antara iman kepada Allah dengan ilmu yang bermanfaat serta gabungan antara teori dengan amal adalah dasar utama bagi perkembangan ilmu, proses pembinaan masyarakat terpelajar dan pembangunan Universiti.

MISI

Menjadi Universiti terpilih yang memartabatkan bahasa Melayu serta mensejagatkan ilmu beracuan budaya kebangsaan.

VISI

UKM bertekad menjadi Universiti terkehadapan yang mendahului langkah masyarakat dan zamannya bagi membentuk masyarakat dinamik, berilmu dan berakhlak mulia.

MATLAMAT PENDIDIKAN

Graduan Beraspirasi Kebangsaan, Berkompeten, Berdaya Saing dan Inovatif.

NILAI UKM

T
Bakat
(Talent)

Pernyataan Bakat menjelaskan tentang hasrat untuk mencungkil, memantapkan dan mengembangkan potensi diri ke arah kecemerlangan.

E
Etika
(Ethics)

Etika menekankan pelaksanaan tanggungjawab dengan kesungguhan dan keikhlasan berasaskan kepada asas keimanan dan moral.

R
Memperkasa
(Revitalise)

Memperkasakan melibatkan pengukuhan fungsi, tanggungjawab, kemahiran dan jaringan dalam usaha untuk memperkembangkan potensi.

A
Tangkas
(Agile)

Menekankan keupayaan terkehadapan dan bersiap siaga dalam melaksanakan tanggungjawab dan peranan.

S
Jiwa
(Soul)

Warga UKM mempunyai jati diri kebangsaan, bersemangat dan beriltizam untuk membangunkan universiti, masyarakat dan negara.

BAB 2

CABARAN BERKAITAN DENGAN INTEGRITI, RASUAH DAN TADBIR URUS

Universiti merupakan tempat yang dipandang tinggi dan mulia di sisi masyarakat, iaitu tempat melahirkan modal insan dan bakal pemimpin negara. Walau bagaimanapun, universiti tidak maksih daripada isu yang berkaitan dengan integriti, rasuah dan tadbir urus. Hal ini demikian kerana selagi universiti merupakan sebuah organisasi yang dipelopori oleh pemimpin dan orang yang dipimpin, iaitu manusia dan persekitaran, isu tersebut tidak dapat dielakkan. Secara umumnya, terdapat beberapa punca berlakunya isu integriti, rasuah dan tadbir urus seperti yang berikut:

1. Kelemahan penyeliaan oleh ketua;
2. Kelemahan kawalan dalaman sehingga wujud ruang dan peluang; dan
3. kelemahan integriti, iaitu berkaitan dengan sikap dan tingkah laku.

Sehubungan dengan itu, Pelan Tindakan Integriti UKM 2021 – 2025 ini dibangunkan untuk menutup ruang dan peluang daripada berlakunya isu integriti, rasuah dan tadbir urus di UKM. Berikut adalah di antara keperluan Pelan ini diwujudkan:

1. Melaksanakan dasar dan inisiatif Kerajaan, iaitu Pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi yang merupakan inisiatif yang wajib diwujudkan sebagaimana kehendak Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023;
2. Menyediakan Pelan integriti, antirasuah dan tadbir urus yang praktikal dan menyeluruh yang merangkumi semua bidang teras UKM; dan
3. Memperkasakan integriti dan etika sebagai budaya kerja terpuji dalam kalangan warga UKM sebagai teras pencapaian Pelan Strategik universiti.

PROSES PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN INTEGRITI UKM 2021 – 2025 (PTIUKM)

LANTIKAN AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN INTEGRITI UKM 2021 – 2025 (PTIUKM)


Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan Pengurusan Tertinggi telah menzahirkan komitmen yang jitu dalam pelaksanaan Pelan ini. Hal ini terbukti dengan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Pelan Tindakan Integriti UKM pada 9 November 2020. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada 2 orang penasihat dan 23 ahli serta dipengerusikan oleh Tuan Hairuzzaki Mohd Yusof, Ketua Unit Integriti. Jawatankuasa yang diurusetikan oleh Unit Integriti telah bermesyuarat buat pertama kalinya pada 17 Disember 2020 secara dalam talian.



BENGKEL PENGURUSAN RISIKO RASUAH PERINGKAT UKM

Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah peringkat UKM juga telah diadakan secara dalam talian dan bersemuka serta dihadiri oleh Penasihat, Ahli-ahli Jawatankuasa Pembangunan Pelan Tindakan Integriti UKM 2021 – 2025 (PTIUKM) dan 39 orang Pegawai Fokal Integriti UKM yang dilantik dari Pusat Tanggungjawab (PTJ) Fasa 1. Bengkel yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

BIL.	TAJUK	TARIKH	TEMPAT
1	Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah UKM:		
	Slot 1		
	– Pengenalan Pelan Antirasuah Nasional (NACP), Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)	12 Januari 2021	Secara dalam talian (Zoom Meeting) *Perintah Kawalan Pengerakan
	– Amanat Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti		
	Slot 2 – Analisis Data Pusat Tanggungjawab UKM	29 Februari 2021	
	Slot 3- Latih Amal Penyediaan Risiko Rasuah	9, 10 & 22 Februari 2021	
	Slot 4 – Penentuan Bidang Keutamaan Pelan Tindakan Integriti UKM	24 Februari 2021	
2	Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah UKM	22- 23 Mac 2021	Bangi Resort Hotel
	- Majlis Penutup oleh Naib Canselor		
	- Pembangunan Pelan Pengurusan Risiko/Inisiatif dan Strategi Pelan Tindakan Integriti UKM		



Zam Zureena M...

MOHD FAIZAL B...

Shafiq

Rohana Tan

Norizan

DANNY HAMID...

MIMIWAYT

Jamali

NURUL HARIZAH

Harani (Unit Integriti)

Ahmad Sami Bo...

Muhammad Far...

Nurdiana

Ahmad Ashrif A...

UI UKM - Anis S...

Rosnani

Zam Zureena Mo...

K017834 MOHD...

Ahmad Sharif

Shafiq

Samruhaizad Sa...

UI UKM - Nurul

Hairulliza Mj

Rosnani

UI UKM - Azlina...

UI UKM - Nurul

Rosnani

UI UKM - Azlina...

UI UKM - Anis S...

UI UKM - Nurul

UI UKM - Nurul

Rosnani

K017834 MOHD...

zaini

Azriyal FPEND

Nazirah Hassan

Masita Moham...

K017834 MOHD...

Farah Dilla Zakaria

UI UKM - Nurul

UI UKM - Anis S...

UI UKM - Azlina...

UI Sharif

UI UKM - Nurul

UI UKM - Anis S...

UI UKM - Azlina...

UI Sharif

UI UKM - Nurul

UI UKM - Anis S...

UI UKM - Azlina...

UI Sharif



Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah UKM 22-23 Mac 2021




PEMURNIAN PTIUKM DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN INTEGRITI UKM (28 APRIL 2021, BILIK MESYUARAT CANSELORI UKM)

CARTA ALIR PEMBANGUNAN PELAN

Dalam melaksanakan pembangunan Pelan ini, pelbagai proses telah dilalui dan dilaksanakan mengikut keperluan. Beberapa bengkel secara maya telah diadakan untuk memberikan ruang dan peluang kepada pihak-pihak berkepentingan di UKM untuk turut serta dalam membangunkan Pelan ini. Antara aktiviti penting yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:



PELAN TINDAKAN INTEGRITI UKM 2021 – 2025 (PTI UKM)



PELAN TINDAKAN INTEGRITI UKM 2021 – 2025 (PTI UKM)

4 MEI 2021



**Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa
Pengurusan Universiti (MJPU)**

6 MEI 2021

**Perakuan Mesyuarat
Lembaga Pengarah Universiti (LPU)**

ANALISIS DATA

Dalam usaha mengenal pasti risiko-risiko berkaitan dengan rasuah, integriti dan tadbir urus di UKM, data-data berkaitan perlu dikumpulkan daripada pelbagai sumber dalaman dan luaran dan seterusnya data-data tersebut perlu dianalisis. Antara objektif analisis data adalah seperti yang berikut:




Semasa proses pengumpulan data dilaksanakan, Unit Integriti UKM telah mendapatkan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti yang dipaparkan dalam infografik di atas. Kesemua data dan input tersebut telah dianalisis mengikut tema yang telah ditentukan seperti jenis kesalahan, pelaku rasuah dan jumlah aduan yang diterima. Hasil analisis data primer dan sekunder daripada sumber-sumber dalaman dan luaran tersebut telah digunakan dalam proses analisis risiko dan penilaian. Hasil analisis penilaian tersebut seterusnya digunakan untuk menentukan bidang keutamaan, strategi dan Objektif Strategik yang akhirnya mewujudkan inisiatif-inisiatif yang dijadikan sebagai teras Pelan ini.

Sumber Organisasi Luar:


1. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
2. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
3. Biro Pengaduan Awam (BPA)

Statistik Isu Rasuah/Integriti/Governan

Sumber : Organisasi Luar




Statistik Jumlah Aduan Unit Integriti 2018 - 2020



Sumber:
Unit Integriti UKM (2018 – 2020)



Statistik Jenis Kesalahan



2018 2019 2020

Sumber:
Unit Integriti UKM (2018 – 2020)

PENILAIAN & ANALISIS RISIKO

Hasil analisis data dan persekitaran yang dilaksanakan telah digunakan untuk membuat penilaian dan analisis risiko. Data-data yang telah dianalisis dengan teliti digunakan sebagai input dalam Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah UKM.

21 RISIKO RASUAH/INTEGRITI/TADBIR URUS UKM

TAHAP RISIKO	JUMLAH ISU
HIGH	8
SIGNIFICANT	9
MODERATE	3
LOW	1

BIL	ISU	RISIKO	SKOR RISIKO	BIDANG KEUTAMAAN
1	R	SALAH GUNA KUASA	HIGH	TADBIR URUS
2	R	RASUAH	HIGH	TADBIR URUS
3	I	GANGGUAN SEKSUAL	HIGH	TADBIR URUS
4	I	KONFLIK KEPENTINGAN	SIGNIFICANT	TADBIR URUS
5	I	SALAH LAKU MORAL DAN ETIKA	SIGNIFICANT	TADBIR URUS
6	I	SALAH GUNA/FITNAH DI MEDIA SOSIAL/ SEBAR MAKLUMAT SALAH	SIGNIFICANT	TADBIR URUS
7	G	KELEMAHAN TADBIR URUS/ KETIDAKPATUHAN SISTEM DAN PROSEDUR	SIGNIFICANT	TADBIR URUS

8	G	KONFLIK DALAMAN	SIGNIFICANT	TADBIR URUS
9	G	CAMPUR TANGAN GOVERNAN (PENEMPATAN/PENSTRUKTURAN)	MODERATE	TADBIR URUS
10	I	SALAHGUNA ASET/ PERALATAN JABATAN	MODERATE	TADBIR URUS
11	R	TUNTUTAN PALSU	HIGH	PENGURUSAN KEWANGAN
12	I	KETIDAKPATUHAN PROSEDUR KEWANGAN	SIGNIFICANT	PENGURUSAN KEWANGAN
13	R	PELANGGARAN JENAYAH & FRAUD	HIGH	PENGURUSAN KEWANGAN
14	I	PENYELEWENGAN SEBUT HARGA/ PEROLEHAN	HIGH	PENGURUSAN KEWANGAN
15	G	PENGURUSAN KONTRAK & PEMBEKAL	MODERATE	PENGURUSAN KEWANGAN
16	I	KETIDAK JUJURAN SEMASA PEPERIKSAAN	SIGNIFICANT	PENGURUSAN AKADEMIK & PELAJAR
17	I	KETIDAKJUJURAN AHLI AKADEMIK /TIDAK PROFESIONAL TIDAK MENJALANKAN TUGAS PENYELIAAN	SIGNIFICANT	PENGURUSAN AKADEMIK & PELAJAR
18	G	KESALAHAN PELANGGARAN ARAHAN KOLEJ KEDIAMAN	LOW	PENGURUSAN AKADEMIK & PELAJAR
19	I	MENERBITKAN /SALAH GUNA DATA MILIK ORANG LAIN TANPA KEBENARAN	HIGH	PENGURUSAN PENYELIDIKAN & PENERBITAN
20	I	PLAGIARISME	HIGH	PENGURUSAN PENYELIDIKAN & PENERBITAN
21	I	SALAH GUNA DATA PENYELIDIKAN/ LANGGAR ETIKA PENYELIDIKAN	SIGNIFICANT	PENGURUSAN PENYELIDIKAN & PENERBITAN

BAB 3

KERANGKA PELAN TINDAKAN INTEGRITI UKM 2021 – 2025 (PTIUKM)

VISI

Menjadi Universiti yang menjunjung dan menegakkan nilai integriti ke arah tadbir urus terbaik dan budaya kerja unggul serta membendung salah laku dan Pelanggaran etika organisasi.

MISI

Memantapkan ketelusan dan kecekapan tadbir urus dan perkhidmatan universiti serta membudayakan nilai integriti dan ketatasusilaan dalam warga UKM.

MATLAMAT

1. Menjadi Pelan menyeluruh sebagai hala tuju yang mendapat sokongan pengurusan tertinggi dalam menyokong usaha membanteras isu dan kesalahan rasuah, integriti dan kelemahan tadbir urus di dalam UKM.
2. Memantapkan urusan pentadbiran awam dan pengurusan universiti sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam yang terkenal di dalam dan di luar negara.
3. Meningkatkan pemahaman dan kepatuhan warga UKM terhadap peraturan dan dasar UKM.
4. Mengurangkan dan menutup ruang ketirisan kewangan dan meningkatkan produktiviti dan penjanaan kepada universiti.

BIDANG KEUTAMAAN PELAN TINDAKAN INTEGRITI UKM 2021 – 2025 (PTIUKM)

TADBIR URUS DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan yang baik penting untuk memastikan warga UKM sentiasa menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan berkesan mengikut undang-undang, peraturan-peraturan, dasar, tatacara dan etika. Kepentingan usaha berterusan dalam menambah baik tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan akan memperkukuh keupayaan pentadbiran di semua peringkat di UKM. Bidang keutamaan ini diharap dapat meningkatkan keyakinan pihak berkepentingan UKM dan memacu kecemerlangan UKM berlandaskan integriti dan profesionalisme.



PENGURUSAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan tidak hanya bertujuan untuk memastikan sumber organisasi mencukupi bagi melaksanakan aktiviti, tetapi yang lebih penting adalah untuk mempamerkan kebertanggungjawaban dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Inisiatif-inisiatif yang digariskan dalam Pelan Tindakan ini adalah menyokong prinsip perakaunan awam yang tepat dan telus, pengurusan nilai dalam perancangan perbelanjaan serta pengawalan sumber kewangan yang cekap dan berkesan.





PENGURUSAN AKADEMIK DAN HAL EHWAL PELAJAR

Pengurusan akademik dan hal ehwal pelajar adalah aktiviti utama sebuah universiti yang merangkumi urusan pengajaran, pembelajaran, pengambilan para pelajar, Pelantikan ahli akademik dan penyeliaan pelajar, serta hal-hal ahli akademik di pusat-pusat pengajaran dan pemantapan kokurikulum serta aktiviti pelajar. Oleh itu, adalah amat penting bagi memastikan aktiviti utama ini tercapai dan tadbir urus pengurusan yang berkaitan dengannya diperkasakan bagi memastikan objektif dan fungsi-fungsi di atas dapat berjalan dengan sempurna.




PENGURUSAN PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENERBITAN

Penyelidikan, inovasi dan penerbitan merupakan elemen penting bagi UKM sebagai Universiti Penyelidikan. Dalam usaha untuk memastikan ketekalan kualiti penyelidikan yang memberikan manfaat kepada masyarakat dan diiktiraf oleh penyelidik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, ketelusan dan integriti dalam hal ehwal berkaitan dengan penyelidikan perlu ditingkatkan dan diperkasakan.



BIDANG KEUTAMAAN	STRATEGI	OBJEKTIF STRATEGIK	INISIATIF
TADBIR URUS DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN	2	5	19
PENGURUSAN KEWANGAN	3	4	6
PENGURUSAN AKADEMIK DAN HAL EHWAL PELAJAR	2	2	5
PENGURUSAN PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENERBTIAN	1	2	6
JUMLAH	8	13	36

ANALISIS KUADRAN BAGI 36 INISIATIF PELAN TINDAKAN INTEGRITI UKM 2021 – 2025 (PTIUKM)




Berdasarkan hasil analisis kuadran yang dilaksanakan, sebanyak 30 inisiatif yang akan diberi keutamaan dengan mengambil kira impak dan kadar kompleksiti sesuatu inisiatif. 30 inisiatif tersebut dipilih berada dalam **kuadran A** kerana inisiatif-inisiatif tersebut memberikan impak yang tinggi dan mudah untuk dilaksanakan. 6 inisiatif lain pula telah dimasukkan ke dalam **kuadran B** kerana inisiatif-inisiatif tersebut dilihat lebih kompleks untuk dilaksanakan tetapi masih juga mempunyai impak yang tinggi. Kompleksiti sesuatu inisiatif mengambil kira pelbagai faktor, seperti masa, tenaga dan kos inisiatif tersebut.



PELAN TINDAKAN INTEGRITI UKM

2021 – 2025 (PTIUKM)



TADBIR URUS DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

BIDANG KEUTAMAAN : TADBIR URUS DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI : 1.0 Merekayasa dan Memupuk Amalan Tadbir Urus yang Baik di UKM

OBJEKTIF STRATEGIK: 1.1 Memperkasakan Kecekapan Tadbir Urus dan Menutup Ruang Salah Guna Kuasa

BIL	INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	PENERAJU	TEMPOH MASA	PEMANTAU
1.1.1	Menyediakan dasar antirasuah	Unit Integriti	1 tahun (Jun 2021- Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
1.1.2	Menyediakan polisi konflik kepentingan	Unit Integriti	1 tahun (Jun 2021- Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
1.1.3	Menyediakan polisi penerimaan dan pemberian hadiah	Unit Integriti	1 tahun (Jun 2021- Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
1.1.4	Menyediakan mekanisme pengiktirafan kepada individu/PTJ yang mempamerkan amalan integriti/tadbir urus baik. Contohnya, anugerah/sijil.	Unit Integriti	1 tahun (Jun 2021- Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti

OBJEKTIF STRATEGIK : 1.2 Memperkasakan Pemantauan dan Meningkatkan Pematuhan

BIL	INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	PENERAJU	TEMPOH MASA	PEMANTAU
1.2.1	Menilai dan membuat semakan peraturan-peraturan/arahan/dasar/garis panduan agar sesuai dengan keperluan semasa	Jabatan Pendaftar	1 Tahun (Jun 2021- Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti

1.2.2	Melaksanakan pemantauan dan pematuhan secara berkala oleh Ketua Jabatan	Pusat Tanggungjawab (PTJ)	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
1.2.3	Menambah baik peraturan-peraturan/ arahan/dasar/ garis panduan tentang penggunaan media sosial	Pusat Komunikasi Korporat	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti

STRATEGI : 2.0 Meningkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan & Memperkasakan Ketelusan Pentadbiran

OBJEKTIF STRATEGIK : 2.1 Mengukuhkan Kebertanggungjawaban dan Memperkasakan Ketelusan Pentadbiran

BIL	INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	PENERAJU	TEMPOH MASA	PEMANTAU
2.1.1	Menambah baik dan melaksanakan pusingan kerja staf	Bahagian Sumber Manusia	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
2.1.2	Menyediakan terma rujukan yang jelas berhubung dengan Pelantikan pentadbir dan menetapkan tempoh maksimum Pelantikan pentadbir/ pentadbir akademik	Bahagian Sumber Manusia	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
2.1.3	Mengkaji semula dan menambah baik Kod Etika Staf	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Pendaftar Pejabat Penasihat Undang-Undang 	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
2.1.4	Menyediakan dasar/garis panduan tentang pekerjaan luar	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Penasihat Undang-Undang Unit Integriti 	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti

OBJEKTIF STRATEGIK : 2.2 Meningkatkan Ketelusan Pengurusan Aduan dan Keyakinan Warga UKM


BIL	INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	PENERAJU	TEMPOH MASA	PEMANTAU
2.2.1	Mengkaji dan menambaik saluran dan pengurusan aduan di UKM	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Jaminan Kualiti • Pusat Komunikasi Korporat • Pusat Teknologi Maklumat • Unit Integriti 	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
2.2.2	Memberikan kefahaman kepada warga UKM tentang dasar pemberi maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • Unit Integriti • Pegawai Fokal Integriti PTJ • Profesional-UKM 	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
2.2.3	Memberikan kefahaman kepada warga UKM tentang dasar antingangguan seksual	<ul style="list-style-type: none"> • Unit Integriti • Pegawai Fokal Integriti PTJ • Profesional-UKM 	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
2.2.4	Memaparkan statistik kes tatatertib dan isu yang berkaitan kepada warga UKM sebagai pengajaran	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Penasihat Undang-Undang • Unit Integriti 	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti

OBJEKTIF STRATEGIK : 2.3 Meningkatkan Pengetahuan, Kompetensi, Jati Diri dan Penghayatan Integriti

BIL	INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	PENERAJU	TEMPOH MASA	PEMANTAU
2.3.1	Mengadakan program kesedaran dan pengukuhan integriti yang merangkumi : a) Isu rasuah, tuntutan palsu & salah guna kuasa b) Isu kebocoran/kerahsiaan maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • Profesional-UKM • Unit Integriti • Pejabat Penasihat Undang-Undang 	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti

- c) Isu komunikasi dalaman/fitnah
- d) Isu tata tertib dan salah laku menurut Akta 605
- e) Isu penipuan (fraud) dan penyelewengan kewangan

2.3.2	Mengadakan program kesedaran dan pengukuhan integriti di peringkat Pusat Tanggungjawab mengikut keperluan dengan kerjasama PFI PTJ	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Tanggungjawab • Unit Integriti • Pegawai Fokal Integriti PTJ 	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
2.3.3	Mengadakan program pengukuhan integriti melalui pendekatan kerohanian dan Islam. Contohnya, Program <i>Smart Solat</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Islam • Unit Integriti 	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
2.3.4	Membangunkan modul khas yang menyeluruh meliputi aspek kepimpinan, tadbir urus, kewangan, pengurusan am dan wajib dihadiri oleh pentadbir/ pentadbir akademik	Profesional-UKM	1 tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti



PENGURUSAN KEWANGAN

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN KEWANGAN

STRATEGI : 3.0 Mempertingkatkan Ketelusan dan Keberkesanan Dalam Pengurusan Kewangan Universiti

OBJEKTIF STRATEGIK : 3.1 Mendahului Keperluan Undang-Undang dan Peraturan Berkaitan Dengan Kewangan di Universiti

BIL	INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	PENERAJU	TEMPOH MASA	PEMANTAU
3.1.1	Membangunkan Polisi Pengasingan Tugas (Segregation of Duties) dan perakuan bayaran (integrity pact) dalam pengurusan kewangan	Jabatan Bendahari	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
3.1.2	Membangunkan garis panduan khas yang berkaitan dengan pengurusan kewangan penyelidikan, termasuk pengurusan aset	Jabatan Bendahari	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
3.1.3	Membangunkan Garis Panduan Pemantauan dan Perakuan Perolehan Kerja	Prasarana-UKM	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti

OBJEKTIF STRATEGIK: 3.2 Pematuhan sepenuhnya terhadap keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan kewangan yang berkuat kuasa

BIL	INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	PENERAJU	TEMPOH MASA	PEMANTAU
3.2.1	Menguatkuasakan pemakaian Arahan Perbendaharaan 59 dalam pengurusan kewangan	Jabatan Bendahari	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti

STRATEGI : 4.0 Penggunaan Teknologi dalam Semua Urusan Kewangan

OBJEKTIF STRATEGIK : 4.1 Penambahbaikan Kaedah Pengurusan Kewangan

BIL	INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	PENERAJU	TEMPOH MASA	PEMANTAU
4.1.1	Memperkasakan proses pengurusan perolehan, termasuk Sistem e-Perolehan	Jabatan Bendahari	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti

STRATEGI : 5.0 Mengekang Ketirisan Hasil

OBJEKTIF STRATEGIK : 5.1 Memperkemas Pelaksanaan Dasar Penjanaan Pendapatan

BIL	INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	PENERAJU	TEMPOH MASA	PEMANTAU
5.1.1	Menambah baik penguatkuasaan Dasar Penjanaan Pendapatan	<ul style="list-style-type: none"> • Khazanah UKM • Jabatan Bendahari 	1 Tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti



PENGURUSAN AKADEMIK & HAL EHWAL PELAJAR

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN AKADEMIK & HAL EHWAL PELAJAR

STRATEGI 6.0 : Memperkasakan Profesionalisme dan Integriti Akademik

OBJEKTIF STRATEGIK : 6.1 Memantapkan Penghayatan Integriti Dalam Pengurusan Hal Ehwal Akademik Dengan Lebih Baik dan Berkesan

BIL	INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	PENERAJU	TEMPOH MASA	PEMANTAU
6.1.1	Mewujudkan satu garis panduan berkaitan pengurusan salah laku penyelesaian siswazah	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Siswazah • Unit Integriti 	1 tahun (Jun 2021- Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti

STRATEGI 7.0 : Menguatkuasakan Kepatuhan Pelajar terhadap Peraturan Universiti

OBJEKTIF STRATEGIK : 7.1 Meningkatkan Kesedaran dan Amalan Kepatuhan Pelajar terhadap Peraturan Universiti

BIL	INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	PENERAJU	TEMPOH MASA	PEMANTAU
7.1.1	Menambah baik hasil pembelajaran (learning outcome) dan memasukkan (embedded) nilai Etika dan Integriti Mahasiswa dalam kursus-kursus sedia ada di Fakulti dan Institut	<ul style="list-style-type: none"> • Dekan Fakulti/ Pengarah Institut • Pusat Pengajian Citra • Unit Integriti • Pusat Siswazah 	1 Tahun (Jun 2021- Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti

7.12	Membangunkan Kod Etika dan Integriti Mahasiswa	<ul style="list-style-type: none"> • Timb. Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) • Unit Integriti • Pusat Hal Ehwal Pelajar • Pejabat Penasihat Undang-Undang 	1 Tahun (Jun 2021- Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
7.13	Membudayakan nilai integriti mahasiswa melalui penganjuran aktiviti/program integriti/acara interaktif secara berkala dengan kerjasama Unit Integriti	<ul style="list-style-type: none"> • Dekan Fakulti/ Pengarah Institut/ Pengarah Pusat • Unit Perumahan Pelajar • Unit Integriti 	1 tahun (Jun 2021- Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
7.14	Memberikan latihan/kursus kepada para pensyarah untuk penyediaan modul dan skema peperiksaan beraras tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Profesional-UKM • Pusat Pengajaran & Pembangunan Kurikulum 	1 tahun (Jun 2021- Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti



PENGURUSAN PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENERBITAN

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENERBITAN

STRATEGI 8.0: Mempertingkatkan Ketelusan dan Integriti Dalam Hal Ehwal Penyelidikan, Inovasi dan Penerbitan


OBJEKTIF STRATEGIK : 8.1 Mempertingkatkan Pemahaman dan Pematuhan Etika dan Garis Panduan Penyelidikan, Inovasi dan Penerbitan

BIL	INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	PENERAJU	TEMPOH MASA	PEMANTAU
8.1.1	Membuat semakan semula dan menambah baik Buku Etika dan Amalan Cemerlang Akademik UKM	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi • Pusat IDEA 	1 tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
8.1.2	Mewujudkan satu garis panduan kepegangan UKM	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat IDEA • Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi • Perpustakaan Tun Seri Lanang 	6 bulan (Jun 2021 - Disember 2021)	Mesyuarat JAR Universiti
8.1.3	Memperkenalkan modul etika penyelidikan dalam kursus pensyarah baharu	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi • Pusat IDEA • Penerbit UKM • Profesional UKM • Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi 	1 tahun (Jun 2021 - Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti

8.1.4	Memperkasakan etika penyelidikan, inovasi dan penerbitan kepada warga UKM	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi • Sekretariat Penyelidikan PTJ 	1 tahun (Jun 2021- Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
-------	---	---	---------------------------------	-----------------------------

OBJEKTIF STRATEGIK 8.2 Menguatkuasakan Peraturan dan Garis Panduan Plagiat Berkaitan Dengan Penyelidikan, Inovasi dan Penerbitan

BIL	INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	PENERAJU	TEMPOH MASA	PEMANTAU
8.2.1	Mewajibkan penglibatan warga UKM dalam program khusus yang berkaitan dengan plagiarisme	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Siswazah • Profesional UKM • Fakulti/Pusat / Institut dan Pegawai Fokal Integriti PTJ 	1 tahun (Jun 2021- Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti
8.2.2	Mewujudkan mekanisme pelaporan secara berkala berkaitan dengan isu plagiarism	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Siswazah • Pusat Pengurusan Akademik • Fakulti/Pusat / Institut dan Pegawai Fokal Integriti PTJ 	1 tahun (Jun 2021- Mei 2022)	Mesyuarat JAR Universiti / Unit Integriti (Sekretariat)



BAB 4

MEKANISME PEMANTAUAN DAN PELAPORAN

PENYELARASAN DAN PENILAIAN

Dalam memastikan kejayaan Pelan ini, Unit Integriti akan bertindak sebagai penyelarasan untuk pembangunan dan pelaksanaan Pelan Tindakan Integriti UKM 2021 – 2025 (PTIUKM) serta berperanan untuk memantau, menilai dan melaporkan pencapaiannya. Kesemua peneraju inisiatif akan dilibatkan dalam proses pemantauan ini. Unit Integriti akan membantu dan memberikan khidmat nasihat kepada semua peneraju yang dipilih bagi memastikan semua pihak dapat memberikan komitmen sepenuhnya dalam menjayakan Pelan ini seperti yang dirancang.

Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) UKM berfungsi sebagai mekanisme tertinggi yang menerima laporan, membincangkan, membuat keputusan serta memantau pelaksanaan PTIUKM seperti yang dinyatakan dalam perkara 6.1.8 – Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

Bagi memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan PTIUKM, Ketua Unit Integriti /Ketua Pusat Tanggungjawab bertanggungjawab untuk:

- ❖ melaksanakan dan memantau program-program yang telah ditetapkan;
- ❖ mengemukakan laporan pelaksanaan program 3 kali setahun (April, Ogos dan Disember) kepada Unit Integriti selaku urus setia PTIUKM; dan
- ❖ melaksanakan dan memantau pelaksanaan Pelan tindakan di peringkat jabatan dengan bantuan Pegawai Fokal Integriti yang telah dilantik di PTJ; dan
- ❖ melaporkan status tindakan atau pelaksanaan kepada Mesyuarat JAR UKM yang diadakan pada bulan Januari, Mei dan September setiap tahun.

FORMAT PELAPORAN PELAN INTEGRITI UKM 2021 – 2025 (PTIUKM)

Pusat Tanggungjawab	
Bidang Keutamaan	
Strategi	
Objektif Strategikk	
Inisiatif	
Tarikh Laporan	

Bil.	Program/ Aktiviti/Tindakan	Kumpulan Sasaran	Pelaksanaan/ Status	Tarikh Pelaksanaan	Catatan

BAB 5

PENUTUP

Pelan Tindakan Integriti 2021 – 2025 (PTIUKM) ini merupakan manifestasi komitmen warga UKM untuk menjunjung tinggi integriti, antirasuah dan tadbir urus sebagai budaya kerja unggul organisasi. Dengan adanya panduan yang lengkap dan jelas berserta dengan gerak kerja yang sistematik, diharapkan agar Pelan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pelan ini merupakan hasil usaha semua pihak di UKM yang bersatu hati untuk memastikan universiti watan ini kekal relevan sampai bila-bila, selaras dengan motto “Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan.”



PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam membangunkan Pelan Tindakan Integriti UKM 2021 – 2025 (PTIUKM).



PENGURUSAN UKM

Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman
Naib Canselor

Prof. Dr. Mohammad Kassim
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Prof. Dato' Ir. Dr. Abdul Wahab Mohammad
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Prof. Dato' Ir. Dr. Othman A. Karim
Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar)

Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah
Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)

Dr. Hjh. Ina Md Yasin
Pendaftar

Puan Norini Mohamad
Bendahari

Encik Hazmir Hj Zainal
Ketua Pustakawan

Prof. Madya Dr. Salawati Mat Basir
Penasihat Undang-Undang

Prof. Dr. Wan Kamal Mujani
Pro-Naib Canselor (Strategi & Pembangunan Korporat)

Prof. Dr. Norhamidi Muhamad
Pro-Naib Canselor (Penjanaan & Prasarana)

Prof. Dato' Dr. Hanafiah Harunarashid
Pro-Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)

Prof. Madya Dr. Rozilawati Razali
Ketua Pegawai Maklumat

Sekalung Penghargaan:

Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Hamdi Abdul Shukor
Mantan Naib Canselor

Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Marzuki Mustafa
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Jawatankuasa Pembangunan Pelan Tindakan Integriti UKM 2021 – 2025 (PTIUKM)

Penasihat

Tan Sri Dato' Seri Abdul Wahid Omar
Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff

Pengerusi

Tuan Hairuzzaki Mohd Yusof
Ketua Unit Integriti

Ahli Jawatankuasa Pembangunan Pelan

Prof. Madya Dr. Mohd Suhaimi Mohamad
Pengarah
Pusat Hal Ehwal Pelajar

Prof. Madya Dr. Mohd Azlan Shah Zaidi
Timbalan Pengarah Eksekutif
Pusat Strategi UKM

Prof. Madya Dr. Zainol Mustafa
Ketua Jaminan Kualiti, Pusat Kembangan Pendidikan

Dr. Farizal Mohd Razalli
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Encik Muhamad Walid Osman
Timbalan Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar

Encik Mokshin Hj. Tumin
Timbalan Bendahari, Jabatan Bendahari

Encik Mursidi Ahamad
Timbalan Pendaftar, Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Puan Rohana Tan
Timbalan Pendaftar, Pusat Pengurusan Akademik

Encik Mohd Zulkefele Mohd Zain
Timbalan Pengarah, Prasarana UKM

Puan Muniroh Abdul Razak
Pegawai Undang-Undang, Pejabat Penasihat Undang-Undang

Puan Suzana Abu Bakar
Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

Encik Jamali Shamsuddin
Pegawai Audit Unit Audit Dalam

Encik Mohd Faris Ngadinin @ Adinin
Ketua Penolong Pendaftar, Pejabat Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)

Puan Suriani Shuhatdi
Ketua Penolong Pendaftar, Pusat Khazanah UKM

Puan Siti Noraida Sood
Ketua Pegawai Penyelidik, Pusat Pengurusan Penyelidikan & Instrumentasi

Puan Rosnani Boyak, Ketua Penolong Pendaftar
Encik Rajan Munusamy, Penolong Pendaftar Kanan
Cik Nurhanani Yahya, Penolong Pendaftar (Pengurus Projek)
Encik Ahmad Sharif Haron, Penolong Pendaftar
Puan Azlina Mat Ludin
Puan Anis Syahirah Abdul Karim
Cik Zulaikha Masom
Cik Nurul Syahada Mat Din (sehingga Mac 2021)
Unit Integriti

*Unit Integriti dijenamakan sebagai Unit Integriti & Ombudsman berkuatkuasa 1 Jun 2021.

Jawatankuasa Pembangunan Pelan Tindakan Integriti UKM 2021 – 2025 (PTIUKM)

Pegawai Fokal Integriti Pusat Tanggungjawab (PTJ) Fasa 1

PTJ	PEGAWAI FOKAL
Pejabat Pro-Naib Canselor Kampus KL	En. Mohd Faris Ngadinin
Pejabat Pro-Naib Canselor Penjanaan & Prasarana	Dr. Azlina Ahmad
Jabatan Pendaftar	En. Muhammad Faris Zaharudin
Jabatan Bendahari	Puan Norizan Ajai
Perpustakaan Tun Seri Lanang	Encik Mohd Adnan Baharom
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi	Puan Rohazaini Hasan
Unit Perumahan Pelajar	Encik Danny Hamidon
Prasarana UKM	Encik Mohd Zulkefele Mohd Zain
Pusat Sukan Universiti	Encik Abdul Wahab Hashim
Pusat Kebudayaan Universiti	Encik Roslan Abd Salam
Pusat Citra Universiti	Prof. Madya Dr. Hasnan Kasan
Pusat Kesihatan Universiti	Dr Hamiza Hamidon
Hospital Canselor Tuanku Muhriz	Encik Ahmad Zamri Noordin
Fakulti Pengajian Islam	Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan	Dr. Nazirah Hassan
Fakulti Sains dan Teknologi	Puan Nurdiana Ishak
Fakulti Perubatan	Encik Clarence Ko Ching Huat
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	Puan Siti Farah Dilla Zakaria

Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina	Prof. Dr Ahmad Ashrif A Bakar
Fakulti Pendidikan	Encik Azrizal Mohamed Zin
Fakulti Pergigian	Prof. Dr. Rohaya Megat Abdul Wahab
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat	Puan Hairulliza Mohamad Judi
Fakulti Undang-Undang	Prof. Madya Dr. Jady@Zaidi Hassim
Fakulti Farmasi	Prof. Madya Dr. Haliza Katas
Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan	Dr. Samruhaizad binti Samian
Institut Alam dan Tamadun Melayu	Encik Muhamad Shafiq Mohd Ali
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan	Encik Mohamad Mahathir Amir Sultan
Institut Biologi Sistem	Puan Sarah Ibrahim
Institut Sel Fuel	En Mohd Faizal Md Nasir
Institut Kajian Etnik	Puan Najatulmuna Hamdan
Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa	Puan Siti Salwa Ahmad Zur
Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik	Puan Mimiwyaty Mohd Noor
Institut Penyelidikan Tenaga Suria	Dr. Masita Mohammad
Institut Perubatan Molekul UKM	Puan Zam Zureena Mohd Rani
Institut Perubahan Iklim	Encik Muhamad Roszaini Roslan
Institut IR4.0	Prof. Madya Dr. Nazlena Mohamad Ali
Pusat Genius @Pintar Negara	Puan Nurul Hafizah Maarof
Fakulti Sains Kesihatan	Puan Najwa Ahmad Zawawi (sehingga Feb 2021)
Pusat Hal Ehwal Pelajar	Encik Cik Othman Abdullah (sehingga Feb 2021)
Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar	Analisis Data: Puan Huda Hela Ladin

Penghargaan Khas:

Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional
Jabatan Perdana Menteri

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Terima kasih kepada semua warga UKM dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan Pelan Tindakan Integriti UKM 2021 – 2025.

Integriti adalah satu jalan lurus yang tidak memerlukan peraturan untuk bersikap jujur dan telus.



SIDANG PENYUNTING

Penaung

Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Haji Toriman
Naib Canselor

Penasihat

Tuan Hairuzzaki Mohd Yusof

Pengurus Projek

Cik Nurhanani Yahya

Pengurus Rekaan

Encik Rajan Munusamy

Editor Pengurusan

Puan Rosnani Boyak
Encik Ahmad Sharif Haron

Pembaca Prof

Prof. Madya Dr. Ramalinggam A/L A/Rajamanickam

Editor Teknikal

Puan Azlina Mat Ludin
Puan Anis Syahirah Abd Karim
Cik Zulaikha Masom

Jurugambar



Encik Zulhelmy Abd Rahim

“

“**Sesungguhnya hati manusia itu mati,
kecuali mereka yang berilmu.
Sesungguhnya mereka yang berilmu itu lena,
kecuali mereka yang beramal.
Sesungguhnya mereka yang beramal itu tertipu,
kecuali mereka yang ikhlas.”**

- Imam Al-Ghazali

”





PELAN
TINDAKAN

INTEGRITI UKM 2021-2025



UNIT INTEGRITI & OMBUDSMAN

Aras 5, Bangunan Canselori
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

 www.ukm.my/integriti

 integriti@ukm.edu.my

ISBN 978-967-19977-0-3

